

# Halal dan Toyyiban dalam sumber makanan ternakan

Bermula 1 Januari lalu, penggunaan antibiotik dalam industri makanan haiwan ternakan diharamkan seperti diumumkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub pada Disember tahun lalu.

Beliau menegaskan mana-mana individu yang didapati bersalah bakal berdepan risiko lesen perniagaannya akan ditarik balik. Pengharaman itu adalah suatu tindakan wajar kerana penggunaan antibiotik dalam makanan ternakan boleh menyebabkan status kehalalan sesuatu produk diragui kerana ia berpotensi membawa kemudaratan kepada kesihatan manusia.

Makanan haiwan adalah elemen penting dalam rantai bekalan produk halal dan selamat untuk dimakan memandangkan ia secara tidak langsung boleh mempengaruhi daging haiwan, telur mahupun susu dihasilkan.

Justeru, amatlah penting sumber makanan haiwan itu halal bagi memastikan kelangsungan produk makanan yang halal dan selamat untuk kegunaan manusia. Kepentingan sumber makanan haiwan yang halal sering diabaikan dan tidak dianggap antara aspek penting dalam memastikan kehalalan dan keselamatan sesua-



**Muhamad Amin Jahari**

Pegawai Penyelidik Sains Haiwan  
Institut Penyelidikan Produk Halal

tu produk makanan terjamin.

Namun, kebelakangan ini masyarakat mula mengambil berat mengenai isu sumber makanan yang diberikan kepada haiwan ketika di ladang dan kesannya terhadap kesucian serta keselamatan manusia berikutan sikap tidak bertanggungjawab segelintir penternak yang memberikan pelbagai bahan makanan untuk mempercepatkan tumbesaran ternakan tanpa mengambil kira soal kesucian dan keselamatan.

## Ancam kesihatan manusia

Dalam industri ternakan komersial, makanan haiwan mewakili 70 peratus daripada kos keseluruhan penternakan. Justeru, bagi menjimatkan kos, haiwan diberikan antibiotik dan hormon tumbesaran untuk meningkatkan selera dan tumbesarnya, di samping pelbagai lagi sumber protein tambahan lain yang murah se-

perti bahan berasal daripada khinzir, bangkai binatang yang tidak disembelih dan bahan buangan rumah sembelihan (darah dan najis).

Penggunaan antibiotik boleh menyebabkan bakteria dalam haiwan ternakan menjadi kebal dan bakteria itu berpotensi untuk berpindah ke tubuh manusia melalui makanan berasaskan haiwan. Akibatnya, antibiotik yang diberikan sebagai rawatan kepada manusia tidak lagi berkesan kerana bakteria sudah 'mengenal' antibiotik itu.

Ini menyebabkan banyak penyakit sukar dirawat dan memerlukan formulasi antibiotik baharu. Oleh itu, Kesatuan Eropah (EU) dan beberapa negara lain sudah mengharamkan penggunaan antibiotik dalam makanan ternakan, selain berkaitan perubatan untuk membendung krisis yang berpunca daripada kekebalan antibiotik.

Situasi ini membuka jalan kepada saintis bagi mencari sumber alternatif semula jadi bagi menggantikan antibiotik dan membawa kepada penemuan probiotik, iaitu makanan tambahan mengandungi bakteria baik melekat pada dinding usus bagi membantu penghadaman.

Seperti antibiotik, probiotik bo-

leh meningkatkan tumbesaran haiwan ternakan dengan meningkatkan penghadaman dan penyerapan nutrisi makanan oleh haiwan. Malah, probiotik berkeupayaan menghasilkan vitamin seperti vitamin C dan beberapa jenis vitamin B, seterusnya menguatkan sistem ketahanan haiwan daripada serangan penyakit.

Tidak seperti antibiotik, probiotik tidak akan menyebabkan kekebalan bakteria kepada antibiotik yang kemudian boleh menjangkiti manusia. Sebaliknya, probiotik mampu menstabilkan jumlah bakteria baik dan jahat dalam usus haiwan.

## Alternatif semula jadi

Sehubungan itu, sekumpulan saintis dari Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta produk probiotik 'Thohira', iaitu bahan perangsang haiwan. Menurut ketua penyelidik merangkap Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH) UPM, Prof Dr Shuhaimi Mustafa, teknologi itu berasaskan formulasi daripada sisa industri tempatan, iaitu isirung kelapa sawit bersama mikroapsul mikroorganisma.

Beliau berkata, teknologi ini secara tidak langsung menyelesaikan isu penggunaan antibiotik dan sumber haiwan sebagai ba-

han makanan ternakan kerana ia mengandungi probiotik, iaitu makanan kepada probiotik atau mikroorganisma.

Probiotik membiak dalam usus haiwan seterusnya meningkatkan tumbesarnya dengan membantu penghadaman makanan dan penyerapan nutrisi lebih tinggi oleh haiwan. Dalam erti kata lain, penggunaan antibiotik adalah tidak perlu lagi kerana sudah ada alternatif semula jadi mempercepatkan tumbesaran haiwan ternakan, sekali gus mengurangkan kos penternakan.

PKC (hampas isirung kelapa sawit) juga berasaskan tumbuhan, jadi, tiada lagi isu halal memabitkan sisa haiwan digunakan dalam makanan ternakan. Selain itu, produk ini diperbuat daripada bahan mentah tempatan, iaitu PKC yang mudah didapati sepanjang tahun, membuatkan harganya stabil kerana negara kita, antara pengeluar minyak kelapa sawit terbesar dunia.

Kesimpulannya, makanan haiwan penyumbang utama tumbesaran haiwan dan juga memberi kesan langsung kepada kesihatan manusia. Justeru, adalah mustahak bagi semua pihak memastikan kesucian dan keselamatan sumber makanan haiwan dalam menjaga kemaslahatan manusia.